



1. JAWATAN	: TIMBALAN PEGAWAI BALAI
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: IV
TANGGAGAJI	: P.4 EB.5 (\$880 - \$1,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (02)

#### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Ahli Bomba Kanan dalam tanggagaji P.3 tidak kurang dari 3 tahun.
2. Telah mengikuti kursus/latihan Ahli Bomba Kanan.
3. Mempunyai Sijil Pegawai Rendah Bomba.
4. Ahli Bomba Kanan yang tidak mempunyai Sijil Rendah Bomba tetapi telah berkhidmat lebih 20 tahun adalah juga dipertimbangkan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **SYARAT-SYARAT KHAS:**

- a. Timbalan Pegawai Balai yang dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki mengikuti kursus/latihan Timbalan Pegawai Balai.
- b. Timbalan Pegawai Balai yang berjaya menjawat jawatan ini dikehendaki mengikuti kursus/latihan Pegawai Bomba Lapangan Terbang (Airport Fire Officer) daripada sebuah Pusat Latihan yang diiktiraf oleh ICAO atau yang sebanding dengannya.
- c. Mengikuti apa juga kursus/latihan yang diaturkan oleh Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang dari semasa ke semasa bagi meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahirannya.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIMBALAN PEGAWAI BALAI:**

1. Melapor diri kepada Pegawai Bomba Lapangan Terbang.
2. Bertanggungjawab ke atas anggota bomba di bawah jagaannya dalam memastikan perkhidmatan menyelamat dan melawan kebakaran berjalan dengan sempurna dan berkesan.
3. Menghadiri dan mengetahui sebarang panggilan kecemasan/kemalangan temasuk perkhidmatan khas.
4. Mencatat kehadiran bertugas anggota bomba di bawah jagaannya.
5. Memastikan pelaksanaan jadual aturan biasa balai bagi latihan, kawad, penjagaan dan pemeliharaan perkakas menyelamat dan melawan kebakaran sentiasa ditahap yang baik dan sempurna.
6. Mengambil alih tugas Pegawai Bomba Lapangan Terbang semasa ketiadaannya.
7. Menjalankan apa juga tugas yang diarahkan oleh Ketua Unitnya dari semasa ke semasa.